



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

FORUM BERSAMA BADAN PENILAIAN PEMATUHAN

14 - 16 NOVEMBER 2022

ONLINE (ZOOM)

Forum Bersama Badan Pematuhan (CAB) merupakan acara tahunan Jabatan Standard Malaysia (JSM). JSM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada badan penilaian pematuhan atas dedikasi dan komitmen terhadap aktiviti akreditasi yang telah dan bakal dilaksanakan.

Forum ini merupakan satu platform interaktif bersama Badan-badan Penilaian Pematuhan untuk memaklumkan perkembangan terkini dalam aktiviti akreditasi, percambahan ilmu, perkongsian idea bernas dan maklum balas ke arah penambahbaikan aktiviti akreditasi JSM dan Malaysia secara amnya.

Tuan/Puan,

Walaupun kita tidak dapat bertemu secara fizikal, namun saya percaya dengan adanya program ini, Jabatan Standard Malaysia dapat menyampaikan perkembangan terkini dan pihak tuan/puan dapat juga menyampaikan cadangan-cadangan demi kebaikan bersama.

Sehingga Oktober 2022, sebanyak 752 makmal pengujian dan penentukuran, 85 makmal pengujian perubatan, 57 badan pensijilan, 25 badan pemeriksa dan 4 badan pengujian kecekapan dan 12 fasiliti *Good Laboratory Practice* (GLP) telah diakredit oleh Jabatan ini. Tahniah saya ucapkan kepada badan-badan penilaian pematuhan (CAB) yang baru dan CAB yang masih mengekalkan akreditasi sehingga kini.

Tema Hari Akreditasi Sedunia tahun ini- *Accreditation: Sustainability in Economic Growth and the Environment*, memberi fokus kepada bagaimana akreditasi menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Makmal-makmal dan badan pensijilan yang melaksanakan pengujian dan pensijilan berkaitan alam sekitar menyumbang kepada matlamat tema akreditasi sedunia ini.

Untuk makluman semua, JSM turut telah membangunkan polisi dan prosedur pencegahan rasuah bagi membantu melaksanakan sistem pengurusan yang efektif dalam mencegah, mengesan dan menangani rasuah yang boleh berlaku termasuklah urusan yang melibatkan pihak CAB dan penilai JSM. JSM komited memastikan penilai menjalankan penilaian ke atas CAB dengan penuh integriti selaras dengan Dasar Antirasuah JSM dan menyokong usaha di bawah Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023.

Setiap tahun JSM berusaha membangunkan program-program akreditasi baharu. Antara perkembangan program akreditasi pada masa ini, JSM turut berhasrat untuk membawa satu lagi program akreditasi baharu iaitu kembara pelancongan (*adventure tourism*) di bawah skim akreditasi badan-badan pensijilan (ACB) dan bidang pengujian “network testing”. Program-program ini akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Sehingga kini JSM terus mengekalkan dan berusaha untuk mengembangkan status penandatanganan di peringkat antarabangsa. Kami sentiasa komited meluaskan skop penandatanganan APAC/ILAC dan IAF MRA bidang baharu bagi membolehkan industri lebih berdaya saing dan kompetitif di peringkat antarabangsa tanpa perlu melakukan pensijilan, pengujian atau pemeriksaan semula. Seiring dengan motto IAF dan ILAC “*accredited once, accepted everywhere*”.

JSM juga sentiasa menjalankan penambahbaikan berterusan bagi memastikan perkhidmatan akreditasi tepat pada masa, memenuhi keperluan semasa pelanggan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim saya merasmikan Forum Jabatan Standard Malaysia Bersama Badan Penilaian Pematuhan 2022.

Sekian, terima kasih.